

18 MAY 2001

MBM-PERODUA

PERMINTAAN DAIHATSU TAMBAH EKUITI DALAM PERODUA BELUM MUKTAMAD

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) -- Permintaan Daihatsu dari Jepun untuk menambah kepentingannya dalam Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) daripada 20 peratus kepada 51 peratus belum muktamad, kata Pengarah Urusan MBM Resources Bhd Datuk Abdul Rahim Abdul Halim, hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan MBM di sini, beliau, bagaimanapun, enggan mengulas lanjut apabila ditanya bila rundingan itu sepatutnya ditamatkan.

MBM mempunyai kepentingan ekuiti 25 peratus dalam Perodua. Selain MBM dan Daihatsu, syarikat lain yang mempunyai kepentingan dalam Perodua adalah Mitsui, UMW Toyota and Permodalan Nasional Bhd (PNB).

Abdul Rahim hanya berkata beliau berharap Daihatsu akan memainkan peranan yang lebih besar dalam membantu Perodua menghadapi persaingan dengan kemunculan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

Dengan kepakarannya, Daihatsu akan dapat mengeluarkan produk yang lebih berkualiti, memperluas eksport serta mengurangkan kos pengeluaran, katanya.

Bulan lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata Daihatsu boleh diberi saham majoriti dalam Perodua jika ia melibatkan pembuatan kereta bagi pasaran Asean dan untuk dieksport ke negara-negara lain.

Permintaan Daihatsu itu tidak akan dipenuhi sekiranya ia hanya melibatkan pembuatan kereta untuk pasaran tempatan.

Sementara itu mengenai masa depan Perodua, Abdul Rahim berkata beliau yakin bahawa dengan sokongan syarikat-syarikat terkemuka seperti Daihatsu dan UMW Toyota, syarikat kereta nasional kedua itu akan terus berdaya saing. -- BERNAMA

NN SD JR